

09/10/2001

PM jamin ekonomi negara tetap kukuh

ad

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan asas ekonomi Malaysia tetap kukuh walaupun kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat mengubah senario ekonomi dunia dan menggugat pasaran kewangan serta perdagangan antarabangsa.

Menjawab soalan Ronald Kiandee (BN-Beluran) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri berkata, negara masih menikmati tekanan inflasi dan Indeks Harga Pengeluar (PPI) yang rendah.

"Ini bermakna Malaysia masih menjadi sebuah negara yang kompetitif. Rizab luar negara sehingga 29 September 2001 terus kukuh iaitu sebanyak RM112.86 bilion dan ini mampu membiayai 4.6 bulan import tertanggung.

"Sekali lagi saya ingin meyakinkan rakyat Malaysia kerajaan akan terus berusaha memastikan kesejahteraan rakyat terjamin," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia memang tidak terlepas dari kesan buruk kemerosotan ekonomi rakan dagangannya.

Sehubungan itu, katanya, dijangkakan kadar pertumbuhan tahun ini lebih rendah daripada paras tujuh peratus yang diramalkan ketika pembentangan Belanjawan 2001 dan hanya lima hingga enam peratus dalam semakan Mac 2001.

(Kadar pertumbuhan terbaru akan diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2002 minggu depan.)

"Serangan di Amerika Syarikat 11 September lalu turut memberi kesan ke atas pasaran saham utama dunia yang mengalami kemerosotan berterusan. Sehingga 28 September, Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menurun 10.9 peratus.

"Pasaran Saham Singapura pula turun 15.8 peratus, Manila turun 12.9 peratus, Jakarta turun 11.9 peratus, Bangkok turun 16.1 peratus, Seoul turun 11.3 peratus dan Taipei turun 12.9 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata, eksport negara juga dijangka berkurangan disebabkan permintaan luar yang kurang menggalakkan. Begitu juga dengan pelaburan asing, industri pengangkutan, insurans dan pelancongan turut terjejas.

Sehubungan itu, beliau berkata, pada bulan lalu, kerajaan mengumumkan pakej rangsangan fiskal yang baru sebanyak RM4.3 billion sebagai tambahan kepada pakej yang diumumkan Mac lalu.

"Pakej terbaru ini bertujuan meningkatkan perbelanjaan dalam negeri bagi mengimbangi pengurangan aliran masuk perdagangan luar negara dan memelihara kesejahteraan rakyat dari kesan negatif kelembapan ekonomi dunia," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, usaha kerajaan sendiri tidak mencukupi kerana setiap rakyat perlu tekun dan rajin bekerja serta memperkukuhkan tekad dan memberi sokongan padu kepada setiap usaha kerajaan.

Katanya, walau apapun pegangan politik seseorang, setiap rakyat perlu bertanggungjawab dalam mengekalkan perpaduan serta berganding bahu untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Tebrau), Perdana Menteri turut menjelaskan kerajaan akan melatih dan mengambil semula pekerja Malaysia di Singapura yang diberhentikan.

Katanya, jumlah mereka yang diberhentikan adalah kurang daripada jumlah peluang pekerjaan baru yang ada di negara ini.

(END)